

UMS akan kerjasama dengan IPSOM kaji keselamatan perairan Sabah

NST 21.12.13 5

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan bekerjasama dengan Institut Keselamatan Awam Malaysia (IPSOM) dalam menjalankan penyelidikan berkaitan dengan keselamatan perairan Sabah, kata Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Harun Abdullah.

Katanya, hasil kajian ini akan menyumbang dari segi saranan dan cadangan kepada pihak berkuasa dan Kerajaan terutama Kementerian Dalam Negeri (KDN) berkenaan tindakan yang wajar diambil bagi memperketatkan lagi keselamatan di kawasan-kawasan perairan negeri.

"Kerjasama ini dianggap sebagai satu tindakan yang strategik di mana UMS yang memiliki kepakaran akademik dalam bidang sains sosial, kebudayaan, keselamatan dan lain-lain lagi akan bekerjasama bukan sahaja dengan

IPSOM yang merupakan sebuah Institusi di bawah KDN yang baru sahaja ditubuhkan tiga bulan lalu, tetapi juga bersama agensi-agensi lain yang akan turut terlibat," katanya dalam sesi sidang media selepas menghadiri mesyuarat yang membincangkan penyelidikan ini secara terperinci, di Bangunan Canselori, UMS, di sini, kelmarin.

Katanya, penyelidikan ini bukan sahaja dilihat sebagai satu penyelidikan akademik semata-mata tetapi ia mampu memberi impak kepada aspek pertahanan dan keselamatan negara.

Katanya, penyelidikan ini akan dimulakan dengan proses kajian sosial yang akan mengambil masa antara tiga hingga enam bulan.

Orang awam di seluruh kawasan perairan negeri dari Kudat sehingga Tawau dijangka akan terlibat dalam kajian sosial ini.

Untuk itu katanya, pihaknya juga tidak menolak kemungkinan untuk turut bekerjasama dengan pihak Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) dan beberapa agensi lain seperti Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan lain-lain dalam menjalankan penyelidikan ini.

"Kerjasama ini dianggap tepat pada masa dan keadaannya di mana Sabah merupakan Negeri yang paling terdedah dengan dengan kawasan perairan dan berjiran dengan banyak Negara, jadi pastinya terdedah dengan pelbagai isu keselamatan dan ancaman," katanya sambil menyatakan pihaknya bersama IPSOM kini sedang memperhalusi borang kajian sosial yang akan diedarkan nanti. - OLEH BALQIS JAMALUDIN (balqis@newsabahtimes.com.my)